

PEWARTAAN TANAH LAPANG DI MUKIM HULU KINTA

SITI SARINA BINTI MAHAYUDDIN

Laporan projek ini dikemukakan
sebagai memenuhi sebahagian daripada syarat penganugerahan
Ijazah Sarjana Sains (Pentadbiran dan Pembangunan Tanah)

Fakulti Alam Bina & Ukur
Universiti Teknologi Malaysia

MAC 2021

DEDIKASI

Didedikasi terindah buat Ibu tercinta Siti Aminah Mohd Sidek

Yang banyak membantu dan menjadi tulang belakang selama ini

Anak-anak pemberi semangat Zarief Bakhtir bin Khairul Shazli dan Ziqrie
Iman bin Khairul Shazli

&

Semua insan yang bersama-sama melakar impian ini

Semoga segala urusan dipermudahkan oleh Allah s.w.t.

PENGHARGAAN



Terlebih dahulu saya memanjatkan kesyukuran yang tidak terhingga ke hadrat Allah SWT kerana dengan keizinan-Nya dan perkenan-Nya memberikan kemudahan dan kelancaran kepada saya untuk menyelesaikan tesis ini yang menjadi tanggungjawab sebagai seorang pelajar sarjana. Penghargaan dan juga ucapan terima kasih kepada Penyelia saya iaitu YBrs. Dr Wan Ibrisam Fikry bin Wan Ismail yang banyak memberikan teguran, pandangan dan bantuan tunjuk ajar kepada saya disepanjang waktu seliaan. Tidak dilupakan YBrs. Dr. Ainur Zaireen Binti Zainudin yang tidak lokek ilmunya dalam mendidik untuk memastikan kajian ini terlaksana. Begitu juga dengan YBrs. Dr. Siti Radiaton Adawiyah Binti Zakaria selaku Penyelaras Program Sarjana Sains (Pentadbiran dan Pembangunan Tanah) dan juga barisan pensyarah Program Sarjana Sains Pentadbiran dan Pembangunan Tanah yang sangat berdedikasi mencerahkan ilmu di sepanjang tempoh pengajian ini.

Penghargaan terima kasih juga ditujukan kepada pegawai dan kakitangan di jabatan yang terlibat di dalam kajian ini, yang berkongsi maklumat dan memberikan kepercayaan kepada saya untuk mengupas topik ini. Jasa, kerjasama dan masa yang diluangkan tuan/puan tidak terbalas oleh saya.

Begitu juga kepada rakan-rakan seperjuangan di MSc LAD Pesisir Ipoh 2019-2021 terima kasih kerana sentiasa memberikan semangat untuk terus berjuang hingga ke akhirnya. Saya juga sangat hargai bantuan dan ilmu dari insan-insan diluar sana yang menjadi kamus saya disepanjang perjalanan menyiapkan tesis ini.

Akhir kata saya berterima kasih kepada semua pihak yang secara langsung dan tidak langsung menyokong saya dan mempercayai saya selama ini.

ABSTRAK

Tanah lapang secara asasnya merujuk kepada suatu kawasan atau tempat awam yang digunakan untuk pelbagai kegiatan aktiviti dan kemudahan rakyat. Antaranya adalah tanah lapang yang diserahkan kepada Pihak Berkuasa Negeri melalui skim-skim pembangunan atau tanah lapang dan kawasan kemudahan rekreasi yang dipantau dan diselenggara oleh PBT atau agensi. Negara telah meletakkan sasaran nisbah keluasan kawasan lapang sebanyak 2 hektar per 1,000 penduduk demi menjaga kepentingan rakyat pada masa hadapan. Matlamat kajian ini adalah untuk meningkatkan kefahaman dan melihat cabaran yang terhasil atas usaha melaksanakan pewartaan kawasan lapang oleh PBT dan PBN. Kajian yang dilaksanakan ini adalah untuk mengenalpasti tahap kesedaran dan pemahaman pihak pelaksana dalam pengurusan tanah atau kawasan lapang di negeri Perak. Kajian juga meletakkan fokus untuk mengenalpasti halangan yang mengakibatkan gangguan terhadap proses pelaksanaan pewartaan tanah atau kawasan lapang di kawasan kajian. Pemilihan kaedah secara kualitatif separa struktur telah digunakan untuk menyediakan input dan bahan yang perlu di analisis. Berpandukan input data primer dan sekunder tersebut, mendapati bahawa semua pihak jabatan berkepentingan memahami piawaian yang telah ditetapkan. Proses pewartaan yang berulang dan kadar waktu tempoh yang panjang menambahkan lagi tempoh pewartaan sesuatu permohonan. Proses pewartaan yang tidak seragam antara PDT dan PTG turut menyumbang kepada kelewatan tempoh pewartaan. Bagi mengatasi kelemahan tersebut, beberapa cadangan telah dikenalpasti antaranya pengwujudan unit pewartaan di jabatan, mewujudkan proses kerja pewartaan secara sistem berkomputer, menggalakkan pemantauan di peringkat atasan serta mengkaji keperluan tambahan kakitangan yang melaksanakan pewartaan. Secara keseluruhannya kajian ini boleh digunakan sebagai platform untuk menambah baik prosedur dan pengurusan pewartaan bagi memenuhi hasrat penyediaan kawasan lapang bernisbah 2 hektar bagi 1,000 penduduk.

ABSTRACT

Open land areas basically refer to an area or public place used for various activities and community facilities. Open land areas submitted to the state authority through development schemes or open land areas and recreational facilities are monitored and maintained by local authorities or agencies. The government has set a target of 2 hectares of open land area of 1,000 residents in order to safeguard the interests of the community in the future. The aim of this study is to increase understanding and to see the challenges resulting from efforts to implement gazetting of open land areas by local councils and state authorities. This study was conducted to identify the level of awareness and understanding of the implemented land management or open land areas in the state of Perak. The study also focuses on identifying barriers that cause disruption to the implementation process of the gazetting of land or open land areas in the study area. Qualitative selection of semi-structured methods has been used to provide inputs and materials that need to be analyzed. Based from the input of primary and secondary data, found that all stakeholders understand the standards that have been set. Repeated gazetting process and long period of time, increase the gazetting period of an application. The inconsistency gazetting process between PDT and PTG that also contributes to the delay in the gazetting period. To overcome these shortcomings, several proposals have been identified, including the creation of gazetting units in the department, creating a gazetting work process in a computerized system, encouraging monitoring at the top level as well as reviewing the additional needs of staff implementing gazetting. Overall, this study can be used as a platform to improve gazetting procedures and management to fulfil the desire to provide 2 hectares of open land area for 1,000 residents.

ISI KANDUNGAN

| TAJUK | MUKASURAT |
|--|------------------|
| PENGAKUAN | iii |
| DEDIKASI | iv |
| PENGHARGAAN | v |
| ABSTRAK | vi |
| ABSTRACT | vii |
| ISI KANDUNGAN | viii |
| SENARAI JADUAL | xii |
| SENARAI RAJAH | xiii |
| SENARAI SINGKATAN | xiv |
| SENARAI LAMPIRAN | xv |
| | |
| BAB 1 PENGENALAN | 1 |
| 1.1 Pendahuluan | 1 |
| 1.2 Penyataan Masalah | 4 |
| 1.3 Matlamat Kajian | 9 |
| 1.4 Objektif Kajian | 9 |
| 1.5 Skop Kajian | 9 |
| 1.6 Kepentingan Kajian | 10 |
| 1.6.1 Kerajaan Persekutuan | 11 |
| 1.6.2 Kerajaan Negeri | 11 |
| 1.6.3 Penduduk Setempat dan Masyarakat | 12 |
| 1.7 Metodologi Kajian | 12 |
| 1.7.1 Peringkat Kajian Awalan | 12 |
| 1.7.2 Peringkat Kajian Literatur | 13 |
| 1.7.3 Peringkat Pengumpulan Data | 13 |
| 1.7.4 Peringkat Analisis Data | 14 |
| 1.7.5 Peringkat Cadangan dan Rumusan | 14 |
| 1.8 Susunatur Bab | 14 |

| | | |
|--------------|--|-----------|
| 1.8.1 | Bab Satu : Pengenalan | 15 |
| 1.8.2 | Bab Dua : Kajian Literatur | 15 |
| 1.8.3 | Bab Tiga : Kajian Kes | 15 |
| 1.8.4 | Bab Empat : Analisis Kajian | 16 |
| 1.8.5 | Bab Lima : Cadangan dan Kesimpulan | 16 |
| BAB 2 | KAJIAN LITERATUR: PEWARTAAN KAWASAN LAPANG | 19 |
| 2.1 | Pendahuluan | 19 |
| 2.2 | Jenis Tanah Rizab | 20 |
| 2.3 | Kawasan Lapang | 21 |
| 2.4 | Kepentingan Pewartaan Tanah Lapang | 24 |
| 2.4.1 | Kawalan Tanah Lapang Awam | 24 |
| 2.4.2 | Pembangunan Setempat Dari Aspek Ekonomi | 25 |
| 2.4.3 | Berfungsi Untuk Mengelakkan Kawasan Hijau | 25 |
| 2.4.4 | Mempamerkan Gaya Hidup Sihat | 26 |
| 2.4.5 | Memastikan Pewartaan Kawasan Lapang Direkodkan | 26 |
| 2.5 | Punca Kuasa Yang Menjadi Rujukan dan Digunakan | 27 |
| 2.6 | Dasar Pelaksanaan dan Perancangan Tanah Lapang | 28 |
| 2.7 | Prinsip-prinsip Perancangan Tanah Lapang dan Rekreasi | 29 |
| 2.8 | Garis Panduan Piawaian Penyediaan Kawasan Lapang | 30 |
| 2.8.1 | Perancangan Tapak | 30 |
| 2.8.2 | Komponen Tanah Lapang dan Rekreasi | 31 |
| 2.8.3 | Keperluan Minimum Tanah Lapang dan Rekreasi | 31 |
| 2.8.4 | Aktiviti dan Kemudahan Sokongan, Landskap, Kemudahan Awam, Rangkaian Laluan Pejalan Kaki dan Kiosk, Kedai dan Gerai. | 32 |
| 2.8.5 | Syarat-syarat Penyediaan Kawasan Lapang Bagi Tujuan Rekreasi | 33 |
| 2.9 | Rumusan | 37 |

| | | |
|--------------|---|-----------|
| BAB 3 | KAJIAN KES | 39 |
| 3.1 | Pendahuluan | 39 |
| 3.2 | Geografi dan Landskap Negeri Perak Darul Ridzuan | 40 |
| 3.3 | Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) | 42 |
| 3.4 | Pengenalan Daerah Kinta | 42 |
| 3.5 | Corak Guna Tanah di Kawasan Kajian | 43 |
| 3.6 | Maklumat Kawasan Lapang Negeri Perak | 44 |
| 3.7 | Proses Kerja Permohonan Pewartaan di Peringkat PBT | 48 |
| 3.8 | Proses Kerja Pewartaan di Pejabat Daerah dan Tanah Ipoh | 49 |
| 3.9 | Rumusan | 50 |
| BAB 4 | ANALISIS DATA DAN PENEMUAN KAJIAN | 51 |
| 4.1 | Pendahuluan | 51 |
| 4.2 | Kaedah Pelaksanaan Kajian | 52 |
| 4.3 | Peringkat-peringkat Kajian | 53 |
| 4.4 | Kaedah Pengumpulan Data | 53 |
| 4.4.1 | Kaedah Temu bual | 54 |
| 4.4.2 | Pembentukan Borang Temu bual Separa Berstruktur | 54 |
| 4.4.3 | Pemilihan Responden | 56 |
| 4.5 | Kaedah Analisis Data | 57 |
| 4.6 | Analisis Asas Perancangan Tanah Lapang dan Pengurusan Kawasan Lapang. | 57 |
| 4.6.1 | Sasaran Penyediaan Kawasan Lapang Berdasarkan Majlis Perancang Fizikal Negara | 58 |
| 4.6.2 | Analisis Pemilihan Kawasan Untuk Permohonan Pewartaan Tanah Lapang | 59 |
| 4.6.3 | Analisis Penguatkuasaan dilaksanakan terhadap Pemaju-pemaju yang Gagal Mematuhi Pelaksanaan Kawasan Lapang. | 61 |
| 4.7 | Analisis Proses Pewartaan | 63 |
| 4.7.1 | Peringkat Permohonan | 63 |
| 4.7.2 | Peringkat Semakan dan Tindakan PDT atau PTG | 64 |

| | | |
|-----------------|---|-----------|
| 4.8 | Analisis Cabaran dalam Proses Pewartaan Kawasan Lapang | 72 |
| 4.8.1 | Kesedaran Awam Mempengaruhi Proses Pewartaan Tanah Lapang | 75 |
| 4.9 | Rumusan | 77 |
| BAB 5 | KESIMPULAN DAN CADANGAN | 79 |
| 5.1 | Pendahuluan | 79 |
| 5.2 | Penemuan Kajian | 80 |
| 5.2.1 | Penemuan Objektif Pertama | 80 |
| 5.2.2 | Penemuan Objektif Kedua | 81 |
| 5.3 | Cadangan Penambahbaikan | 81 |
| 5.3.1 | Penyeragaman Proses Pewartaan | 81 |
| 5.3.2 | Pengwujudan Unit Pewartaan di Jabatan | 82 |
| 5.3.3 | Semakan Melalui Sistem | 82 |
| 5.3.4 | Pemantauan Di Peringkat Teringgi | 83 |
| 5.3.5 | Pertambahan Kakitangan yang Menjalankan Proses Pewartaan | 83 |
| 5.4 | Limitasi Kajian | 84 |
| 5.4.1 | Instrumen Kajian | 84 |
| 5.4.2 | Kaedah Persampelan Responden | 84 |
| 5.4.3 | Kerjasama Mendapatkan Maklum balas | 84 |
| 5.5 | Cadangan Kajian Lanjutan | 85 |
| 5.5.1 | Kajian Melibatkan Pandangan Masyarakat | 85 |
| 5.5.2 | Kajian Implementasi Sistem | 86 |
| 5.5.3 | Kajian Perbandingan Proses Pewartaan Antara Negeri-negeri | 86 |
| 5.6 | Penutup | 86 |
| RUJUKAN | | 89 |
| LAMPIRAN | | 93 |

SENARAI JADUAL

| NO. JADUAL | TAJUK | MUKA SURAT |
|-------------------|--|-------------------|
| Jadual 1.1 | Penetapan Keluasan Kawasan Lapang Bagi Beberapa Negara (PLANMALAYSIA 1 Jun 2020) | 2 |
| Jadual 1.2 | Statistik Tanah Lapang Awam Di Negeri Perak (Pejabat Tanah dan Galian Negeri Perak) | 8 |
| Jadual 2.1 | Garis Panduan Penyediaan Tanah Lapang Untuk Tujuan Rekreasi | 34 |
| Jadual 3.1 | Senarai Daerah Mengikut Keluasan Di Negeri Perak | 41 |
| Jadual 3.2 | Senarai Pihak Berkuasa Tempatan Mengikut Daerah | 42 |
| Jadual 3.3 | Senarai Mukim-mukim di dalam Daerah Kinta | 43 |
| Jadual 3.4 | Kawasan Bandaraya Ipoh Mengikut Pembahagian Mukim | 43 |
| Jadual 3.5 | Menunjukkan Verifikasi Keseluruhan Kawasan Lapang Majlis Bandaraya Ipoh, (2019). | 46 |
| Jadual 3.6 | Pengesahan Data Tanah Lapang dan Rekreasi Dikemaskini sehingga Disember 2019 yang dilaporkan ke PLANMalaysia | 48 |
| Jadual 3.7 | Proses Kerja Peringkat Pewartaan di MBI sebelum permohonan dipanjangkan ke PTG. | 49 |
| Jadual 4.1 | Senarai Responden | 56 |
| Jadual 4.2 | Analisis Asas Perancangan Tanah Lapang | 57 |
| Jadual 4.3 | Analisis Penglibatan Jabatan dalam Proses Pewartaan | 63 |
| Jadual 4.4 | Analisis cabaran dalam usaha mempercepatkan pewartaan. | 72 |

SENARAI RAJAH

| NO. RAJAH | TAJUK | MUKASURAT |
|------------------|--|------------------|
| Rajah 1.1 | Info hebahan media sosial PLANMalaysia bertarikh 3 Oktober 2018 | 5 |
| Rajah 1.2 | Metadologi Kajian | 17 |
| Rajah 2.1 | Siaran Media Mengenai Kepentingan Taman awam | 26 |
| Rajah 2.2 | Petikan dari Pelan Strategik KPCT 2016-2020 | 27 |
| Rajah 2.3 | Menunjukkan Susun Atur Perletakan Tanah Lapang Dan Rekreasi | 33 |
| Rajah 3.1 | Peta Kedudukan Negeri Perak di Semenanjung Malaysia | 40 |
| Rajah 3.2 | Menunjukkan Peta Kawasan Di bawah Penyelenggaraan Majlis Bandaraya Ipoh | 44 |
| Rajah 3.3 | Tahap Pewartaan Kawasan Lapang Negeri Perak | 45 |
| Rajah 4.1 | Contoh Pelan Pita Ukur yang Berwarna Hijau Merupakan Kawasan Lapang yang Dipohon Untuk Diwartakan. | 61 |
| Rajah 4.2 | Contoh Borang Permohonan Jadual 1 | 64 |
| Rajah 4.3 | Carta Aliran Kerja Bagi Memproses Permohonan Perizaban Bagi Permohonan Tanah Rizab Kerajaan Di Pejabat Daerah Dan Tanah Ipoh, Gugusan Manjoi | 67 |
| Rajah 4.4 | Carta Alir Penyediaan Deraf Warta di Pejabat Tanah dan Galian | 68 |
| Rajah 4.5 | Contoh Surat Pemakluman Pewartaan ke PBT | 69 |
| Rajah 4.6 | Warta Kerajaan Negeri Perak | 70 |
| Rajah 4.7 | Pelan Warta | 71 |

SENARAI SINGKATAN

| | | |
|--------------|---|-----------------------------------|
| KM | - | Kebenaran Merancang |
| KT | - | Kerajaan Tempatan |
| JPBD | - | Jabatan Perancang Bandar dan Desa |
| MBI | - | Majlis Bandaraya Ipoh |
| MPFZ | - | Majlis Perancang Fizikal Negara |
| OSC | - | <i>One Stop Center</i> |
| PBN | - | Pihak Berkuasa Negeri |
| PBT | - | Pihak Berkuasa Tempatan |
| PDT | - | Pejabat Daerah dan Tanah |
| PLANMalaysia | - | Jabatan Perancang Bandar dan Desa |
| PTG | - | Pejabat Tanah dan Galian |
| SEK | - | Seksyen |

SENARAI LAMPIRAN

| LAMPIRAN | TAJUK | MUKASURAT |
|-----------------|---|------------------|
| Lampiran A | Borang Soal Selidik | 93 |
| Lampiran B | Keratan Akhbar Mengenai Tanah Lapang Negeri Perak | 97 |
| Lampiran C | Info Dari Laman Web Tanah Lapang Di Negeri Sembilan | 99 |
| Lampiran D | Keratan Mengenai Isu Tanah Lapang di Negeri Selangor dan Johor | 100 |

BAB 1

PENGENALAN

1.1 Pendahuluan

Pembangunan lestari merupakan pembangunan yang memenuhi keperluan masa kini dan memenuhi keperluan generasi akan datang. Penyataan ini merujuk kepada *Brundtland Comission* di dalam laporan *Our Common Future* (1987), menyatakan bahawa pembangunan lestari adalah pembangunan yang memenuhi keperluan masa kini tanpa menjelaskan kemampuan generasi masa depan untuk memenuhi keperluan mereka. Kelestarian pembangunan di Malaysia semakin berkembang dalam mencapai objektif sebagai sebuah negara yang maju dari segi pembangunan fizikal dan diimbangi dengan persekitaran yang hijau, mampan dan sihat. Kelestarian ini menggabungkan keseimbangan ekonomi, masyarakat dan alam sekitar yang digabungkan dengan matlamat-matlamat lain sesuai dengan kepentingan rakyat. Peranan alam sekitar dilihat sangat penting dalam mewujudkan persekitaran kehidupan yang menyeluruh untuk kesejahteraan rakyat.

Oleh itu, dalam perkembangan pesat arus pemodenan pembangunan tersebut, peranan kerajaan dalam menyediakan kawasan lapang awam dan rekreasi adalah penting untuk menyokong peningkatan biodiversiti dan ekosistem bandar. Menurut Woolley (2003), kehidupan bandar dan proses urbanisasi adalah sangat penting berikutan pertambahan penduduk dunia. Kualiti persekitaran bandar memberi kesan kepada elemen-elemen kehidupan harian seperti perumahan, pendidikan, kesihatan, pekerjaan, sosial dan lain-lain. Bagi memenuhi persekitaran yang lebih selesa dan kondusif, kawasan yang mempunyai tanah lapang secara amnya dilihat sebagai kawasan-kawasan yang berpotensi untuk dipelbagai gunakan oleh masyarakat yang semakin berkembang dan kompleks. Penyediaan kawasan lapang bukan hanya di Malaysia, bahkan ianya turut diperaktikkan di negara-negara lain. Berpandukan kepada buku Kompilasi Artikel Ringkas Penyelidikan dan Pembangunan

PLANMalaysia, yang menyentuh tentang kajian yang dijalankan oleh Khan (2012) menyatakan penetapan jumlah keluasan kawasan lapang awam bagi sesebuah negara dan bandar adalah berbeza mengikut keperluan penduduk. Berikut contoh beberapa negara yang membuat penetapan mengikut jumlah bilangan penduduk dalam penyediaan kawasan lapang.

Jadual 1.1 Penetapan Keluasan Kawasan Lapang Bagi Beberapa Negara (PLANMALAYSIA 1 Jun 2020)

| Kawasan | Jumlah Penetapan Kawasan Lapang bagi 1,000 Penduduk |
|-----------------|--|
| Malaysia | 2.0 ha |
| Los Angeles | 4.85 ha |
| Cambridge | 4.60 ha |
| Greater London | 4.00 ha |
| Washington | 3.80 ha |
| Minneapolis | 2.00 ha |
| Kansas City | 3.64 ha |
| India | 0.80 ha |
| Pakistan | 0.52 ha |

Perancangan guna tanah yang baik mampu menjadikan sesuatu kawasan itu terancang dari segi penyusunan fizikal kawasan. Berdasarkan kajian oleh Shaharudin, Lim dan Abdul (2004), keterancaman guna tanah di Selangor adalah disebabkan oleh letakan reruang yang terubah guna tanahnya dan struktur penduduk yang memenuhi ruang tersebut. Oleh kerana dapatan keterancaman seperti ini, Zon Perancangan telah digariskan oleh kerajaan di bawah Jabatan Perancang Bandar dan Desa iaitu Zon Perlindungan Lanskap dan Alam Sekitar Kebangsaan, Zon Perlindungan Sumber, Zon Perbandaran, Zon Penyelidikan Masa Depan dan Zon Luar Bandar Umum/Bukan Bandar. Menurut Idris (2010), penyediaan dan pengagihan kawasan lapang adalah penting ke arah mewujudkan bandar sejahtera. Penyataan ini terlebih dahulu memetik pandangan dari Soeb (2000), di dalam pembangunan sesebuah kawasan perumahan, kemudahan kawasan lapang merupakan kemudahan yang penting bagi keselesaan orang ramai dan kerana itu Jabatan Perancang Bandar dan Desa meminda garis panduan kawasan lapang dari masa ke semasa mengikut keperluan.

Bagi penyediaan kelestarian pembangunan, kawasan tanah lapang diberi keutamaan dalam setiap pelaksanaan perancangan pembangunan. Ini kerana pada dasarnya tanah lapang mempunyai hubungkait yang rapat dengan pembangunan urbanisasi. Kawasan tanah lapang menghubungkan persekitaran dengan keperluan dan kehidupan manusia. Merujuk kepada Garis Panduan Kejiranan Hijau oleh JPBD, pada tahun 2009, ketika persidangan *United Nation on Climate Change Conference 2009* (COP15), Copenhagen, Denmark, Malaysia telah menzahirkan komitmen untuk mengurangkan karbon sehingga 40% menjelang tahun 2020. Selaras dengan itu, pelbagai inisiatif kerajaan telah diwujudkan termasuklah melalui penggubalan Dasar Perbandaran Negara. Menurut DPN, kawasan lapang dan rekreasi yang mencukupi perlu disediakan mengikut keperluan penduduk. Penekanan ini diletakkan di dalam Pelan Tindakan DPN9, Teras 1 di mana, langkah pelaksanaan yang perlu dipatuhi adalah memastikan kawasan rekreasi disediakan mengikut hierarki dan garis panduan serta piawaian yang telah ditetapkan serta menyediakan kawasan lapang yang mencukupi iaitu dua hektar bagi setiap 1,000 orang penduduk bandar.

Secara dasarnya, umum mengetahui tanah lapang merupakan suatu ruang atau tapak atau kawasan yang dikhaskan untuk satu-satu tujuan seperti yang dinyatakan di dalam akta. Ianya selaras dengan takrifan oleh Akta Perancang Bandar dan Desa (pindaan) 1997, Akta (A933) dalam Seksyen 2 (f). Tanah lapang digunakan untuk pelbagai tujuan terutama tujuan sosial seperti taman awam, taman bunga awam, padang rekreasi, tempat makan angin, tempat jalan kaki awam dan tempat awam. Maksud tanah awam ialah tanah lapang diserah kepada Pihak Berkuasa Negeri (PBN) melalui permohonan Kebenaran Merancang (KM) di bawah Seksyen 21 dan Subseksyen 22 (1) Akta 172 dan ianya mempunyai tujuan tertentu seperti taman wilayah, lot permainan kanak-kanak dan lain-lain.

Tanah lapang mempunyai dua kategori utama yang telah dikelaskan oleh Jabatan Perancang Bandar dan Desa (JPBD) iaitu tanah lapang dalam skim pembangunan yang diserahkan kepada Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) peringkat kelulusan permohonan Kebenaran Merancang (KM) ataupun ketika kelulusan permohonan pecah sempadan tanah. Manakala kategori tanah lapang yang lain adalah merujuk kepada kawasan rekreasi yang berskala terbesar seperti taman nasional

sehingga berskala terkecil iaitu lot permainan yang dibangunkan oleh Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) atau agensi-agensi yang berkenaan.

Di Negeri Perak, *zoning* kawasan perumahan, penyediaan tanah lapang adalah diwajibkan oleh Pihak Berkuasa Tempatan (PBT). Merujuk kepada Piawaian Perancangan Tanah Lapang Dan Rekreasi yang telah diluluskan oleh Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Bil.1348 pada 8 September 1999, telah menggariskan keperluan 10 peratus kawasan tanah lapang dan rekreasi bagi semua jenis pembangunan iaitu pembangunan perumahan, pembangunan perindustrian, pembangunan bercampur, pembangunan pelancongan dan pembangunan institusi yang menerangkan maksud berkaitan tanah lapang dengan terperinci.

1.2 Penyataan Masalah

Tanah lapang secara umumnya didefinisikan sebagai suatu kawasan atau tempat awam yang digunakan untuk tujuan rekreasi tanpa dikenakan sebarang bayaran masuk antaranya tanah lapang di dalam skim-skim pembangunan yang diserahkan kepada Pihak Berkuasa Negeri dan tanah lapang atau kawasan rekreasi seperti taman wilayah, taman bandaran, padang bola sepak, gelanggang permainan dan lain-lain yang dibangunkan oleh PBT atau agensi-agensi kerajaan. Kategori-kategori ini tidak meliputi taman negara, padang golf, taman atas bumbung, taman rekreasi swasta, tanah kerajaan yang dirizabkan untuk pembangunan masa depan dan taman-taman rekreasi di dalam rizab institusi.

Di Malaysia, arahan untuk mengekalkan tanah-tanah yang dikhaskan sebagai tanah lapang awam telah diputuskan secara bertulis melalui arahan Majlis Perancang Fizikal Negara (MPFN) Bil 5/2005 bertarikh 6 Oktober 2005 dan MPFN Bil. 6/2005 bertarikh 8 Ogos 2006 yang menerangkan maksud berikut:

- i) Pihak Berkuasa Negeri (PBN) perlu mengambil tindakan menyegerakan proses pewartaan tanah-tanah lapang yang ada;

- ii) Setiap negeri perlu memberikan maklumat status pewartaan tanah lapang awam kepada Ketua Pengarah PLANMalaysia (Jabatan Perancang Bandar dan Desa) selaku Setiausaha Majlis Perancang Fizikal Negara;
- iii) Kadar 2 hektar kawasan lapang awam bagi setiap 1,000 penduduk bandar;



Rajah 1.1 Info hebahan media sosial PLANMalaysia bertarikh 3 Oktober 2018

Sumber: Konpendium PLANMALAYSIA

Penekanan dalam melaksanakan pewartaan turut diwar-warkan dalam media sosial. Kerajaan menggunakan pelbagai alternatif untuk memberi kesedaran berhubung kepentingan kawasan lapang disediakan. Mengambil contoh dari inisiatif Plan Malaysia yang mendedahkan peratus pewartaan kawasan lapang di Semenanjung Malaysia sehingga Jun 2017 adalah sebanyak 51.61 peratus berbaki 48.39 peratus kawasan yang masih belum diwartakan pada ketika itu. Selain itu, PlanMalaysia menyenaraikan negeri-negeri yang telah mencapai sasaran nisbah keluasan kawasan lapang sebanyak 2 hektar per 1,000 penduduk iaitu Negeri Melaka, Negeri Sembilan, Wilayah Persekutuan Putrajaya, Negeri Pahang, Negeri Selangor, Negeri Terengganu dan Wilayah Persekutuan Labuan. Berdasarkan senarai ini, Negeri Perak masih belum tersenarai dalam pencapaian ini. Walau bagaimanapun. proses pewartaan tanah lapang sebenarnya adalah di bawah kuasa Kerajaan Negeri berpandukan peruntukan Seksyen 62, Kanun Tanah Negara.

Menurut kajian oleh Mazifah, Azahan dan Kadir (2013), menyatakan piawaian perancangan keperluan penyediaan dua hektar kawasan lapang bagi setiap 1,000 orang penduduk bandar masih belum dapat dicapai dan kelihatan sukar untuk dicapai. Penggunaan guna tanah yang ketara akibat dari pembangunan fizikal negara pada ketika ini dilihat mempengaruhi penyediaan tanah lapang. Penyataan kajian beliau disokong dengan kajian terdahulu oleh Ismail Ngah (1999) dan PEMANDU (2010) mendapati wujudnya masalah ketakcukupan penyediaan kawasan lapang di bandar raya Kuala Lumpur. Kuala Lumpur hanya mampu menyediakan 0.4 hektar taman awam bagi 1,000 penduduk bandar dan hanya 12 meter persegi ruang hijau bagi setiap individu bandar. Penyataan ini seterusnya di kaitkan oleh kajian Putri (2015), mendapati bahawa kelestarian kawasan lapang awam boleh terjejas akibat daripada proses pewartaan tidak berkesan. Ianya menjelaskan bahawa prosedur pewartaan kawasan lapang yang lama memberi kesan kepada sesuatu pembangunan kerana kawasan tersebut masih boleh dibangunkan untuk lain-lain jenis pembangunan di masa akan datang. Menurut kajian Ahmad dan Ainur (2019), perubahan kegunaan tanah kawasan lapang yang berlaku di kawasan kajian iaitu di negeri Melaka menyebabkan secara tidak langsung fungsi dan prinsip penyediaan kawasan lapang yang menjadikan keseluruhan tanah kawasan lapang mengecil daripada keluasan yang asal.

Melihat kepada Hala Tuju Pembangunan Negeri Perak 2040, menyatakan bahawa kebanyakan kawasan lapang tidak diwartakan kerana proses pewartaan mengambil masa yang lama (lima hingga tiga belas tahun). Oleh itu di dalam hala tuju ini telah meletakkan bahawa kerajaan negeri perlu menetapkan tempoh proses pewartaan kawasan lapang dan rekreasi secara berperingkat. Tempoh pewartaan bagi tanah lapang melebihi 20 ekar (8 hektar) ke atas diwartakan dalam tempoh masa dua tahun bermula dari tarikh penyerahan dokumen kepada Pejabat Tanah dan Galian.

Rujukan PBT di negeri Perak, kerajaan negeri telah mengeluarkan Pekeliling Setiausaha Jawatankuasa Perancangan Negeri (JPN) Perak Bil.2 Tahun 2018 melalui kelulusan PBN bertarikh 19 September 2018 memutuskan penyediaan tanah lapang secara fizikal bagi pembangunan skim perumahan yang luas tanahnya kurang dua ekar adalah sebanyak 3% daripada keseluruhan kawasan pembangunan. Manakala, bagi pelan susun atur dengan luas dua hingga lima ekar adalah 5% dari kawasan pembangunan.

Penerangan di Jadual 1.2 menunjukkan status pewartaan tanah lapang sehingga 31 Disember 2019. Berdasarkan jadual ini, tanah lapang di negeri Perak adalah berkeluasan 2,377.38708 hektar yang merangkumi 15 PBT. Majlis Bandaraya Ipoh (MBI) mencatatkan keluasan tanah lapang paling tinggi iaitu seluas 1,235.3747 hektar. Majlis Daerah Lenggong menyumbang keluasan sebanyak 5.0649 hektar sahaja berbanding dengan 14 PBT yang lain manakala Majlis Daerah Selama yang tidak dapat dikenalpasti keluasan tanah lapang yang terlibat. Kajian ini difokuskan kepada skop yang lebih kecil iaitu pewartaan tanah lapang di Mukim Hulu Kinta, di bawah pengurusan penyelenggaraan Majlis Bandaraya Ipoh (MBI). Jumlah kawasan lapang dikenal pasti di bawah pengurusan PBT ini adalah seluas 1,235.3747 hektar yang mana dari jumlah tersebut seluas 83% mewakili 1,025.67 hektar kawasan lapang yang tidak diwartakan.

Jadual 1.2 Statistik Tanah Lapang Awam Di Negeri Perak (Pejabat Tanah dan Galian Negeri Perak)

| PBT | STATUS | | | | | | JUMLAH (A)(B)(C) | |
|---------------------|-------------|----------------|--------------------|----------------|-------------------|----------------|-------------------|-------------------|
| | WARTA (A) | | BELUM WARTA (B) | | DALAM PROSES © | | | |
| | BIL. LOT | LUAS (HEK) | BIL. LOT | LUAS (HEK) | BIL. LOT | LUAS (HEK) | BIL. LOT | LUAS (HEK) |
| MBI | 128 | 209.705 | 0 | 0 | 2496 | 1025.67 | 2625 | 1235.3747 |
| MP TAIPING | 160 | 0 | 202 | 0 | 158 | 0 | 522 | 0 |
| MP MANJUNG | 59 | 11.31 | 361 | 131.67 | 314 | 97.737 | 737 | 240.717 |
| MP TELUK INTAN | 32 | 3.8767 | 0 | 0 | 182 | 19.6628 | 218 | 23.5395 |
| MP KUALA KANGSAR | | 38.1391 | 0 | 72.3629 | 0 | 0 | 5 | 110.502 |
| MD KERIAN | 19 | 2.2301 | 0 | 0 | 43 | 13.161 | 68 | 15.39108 |
| MD TAPAH | 31 | 52.3915 | 95 | 35.5039 | 76 | 32.4403 | 209 | 120.3357 |
| MD PERAK TENGAH | 19 | 21.5899 | 0 | 0 | 51 | 74.5187 | 78 | 96.1086 |
| MD TANJONG MALIM | 38 | 43.07 | 0 | 0 | 1.12 | 74.9 | 159 | 117.97 |
| MD BATU GAJAH | 74 | 32.238 | 31 | 28.922 | 294 | 135.114 | 409 | 196.274 |
| MD KAMPAR | 38 | 17.1106 | 7 | 18.167 | 184 | 90.0989 | 240 | 125.3765 |
| MD GERIK | 38 | 7.2222 | 0 | 0 | 23 | 14.5092 | 73 | 21.7314 |
| MD LENGGONG | 1 | 0.4128 | 6 | 1.7742 | 10 | 2.9079 | 30 | 5.0649 |
| MD PENGKALAN | 27 | 64.0637 | 3 | 0.331 | 9 | 4.607 | 53 | 69.0017 |
| MD SELAMA | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | 15 | 0 |
| JUMLAH | 664 | 503.359 | 705 | 288.731 | 3841.12 | 1585.33 | 5441 | 2377.38708 |

1.3 Matlamat Kajian

Persoalan utama di dalam kajian ini adalah merujuk kepada isu pewartaan negeri Perak yang masih belum mencapai sasaran pewartaan dari MPFN iaitu 2 hektar bagi nisbah 1,000 penduduk. Berdasarkan isu tersebut, kajian ini bertujuan untuk meningkatkan kefahaman dan melihat cabaran yang terhasil atas usaha melaksanakan pewartaan kawasan lapang oleh PBT dan PBN.

1.4 Objektif Kajian

Objektif dalam melaksanakan kajian ini dapat diuraikan seperti berikut:

Objektif 1: Mengenalpasti tahap kesedaran dan pemahaman pihak pelaksana dalam pengurusan tanah atau kawasan lapang di negeri Perak.

Objektif 2: Mengenalpasti halangan yang mengakibatkan gangguan terhadap proses pelaksanaan pewartaan tanah atau kawasan lapang di negeri Perak.

1.5 Skop Kajian

Isu berkaitan kawasan lapang bukanlah suatu perkara yang asing dan ianya menjadi keutamaan oleh kerajaan melalui MPFN. Justeru, kajian-kajian penyelidikan mengenai kawasan lapang dan rekreasi pernah dijadikan bahan kajian oleh pengkaji-pengkaji yang lain. Walau bagaimanapun, penulisan kajian ini akan lebih tertumpu kepada skop berikut:

- i) Kajian akan lebih fokus mengenai kewujudan tanah lapang di Mukim Hulu Kinta iaitu menjurus kepada kawasan di bawah penyelenggaraan Majlis Bandaraya Ipoh;
- ii) Selain itu, kajian ini juga menjurus kepada sejauh mana pihak pelaksana memahami dalam pelaksanaan keperluan tanah lapang di negeri Perak. Ianya juga untuk melihat kesedaran dalam memastikan pewartaan tanah lapang ini perlu diproses dan disegerakan; dan
- iii) Kajian ini meneliti halangan-halangan yang dihadapi oleh pelaksana untuk memastikan proses pewartaan berjalan dengan lancar.

1.6 Kepentingan Kajian

Pewartaan tanah lapang adalah agenda yang penting bagi memastikan kelestarian pembangunan pada masa hadapan. Kajian ini akan memberi tumpuan kepada pengurusan pewartaan tanah lapang dan mengikut syarat yang telah ditetapkan di dalam dasar pelaksanaan perancangan tanah lapang dan rekreasi iaitu menyediakan 10 peratus tanah lapang dan rekreasi bagi semua jenis pembangunan yang diambilkira dalam perancangan Rancangan Struktur dan Rancangan Tempatan. Pihak Berkuasa Negeri hendaklah merizab dan mewartakan tanah lapang yang telah diluluskan dalam Rancangan Pemajuan mengikut peruntukan perundangan di bawah Seksyen 62 dan 204D, Kanun Tanah Negara. Tafsiran ini selaras dengan peruntukan Seksyen 5, Kanun Tanah Negara 1965 (KTN) yang menggariskan tanah kerajaan termasuk tanah lapang yang dirizabkan untuk maksud tanah awam di bawah seksyen tersebut ditakrifkan sebagai tanah rizab.

Selain itu, kajian ini juga akan memberi syor bagi mempercepatkan proses pewartaan tanah lapang yang masih belum diwartakan. Pewartaan tanah lapang yang dilaksanakan akan memberi impak positif dari aspek pembangunan ekonomi, persekitaran hijau, menyediakan gaya hidup sihat dan akhirnya membawa kepada bandar yang berdaya huni kepada masyarakatnya. Selain itu ia juga akan memenuhi

garis panduan Hala Tuju Pembangunan Negeri Perak 2040 yang mengesyorkan untuk mempercepatkan proses pewartaan tanah lapang.

Proses pewartaan yang dilaksanakan dalam tempoh yang singkat, dapat memastikan kawasan-kawasan tersebut tidak dijadikan pertaruhan dalam proses pembangunan yang mendatang. Ianya juga dapat menjamin kelangsungan pembangunan yang bakal dilaksanakan dan memberi kebaikan kepada masyarakat.

1.6.1 Kerajaan Persekutuan

Merujuk kepada Mokhtar (2010) pada Oktober 2003, terdapat arahan dari Kerajaan Persekutuan yang menetapkan supaya kawasan tanah lapang di dalam taman perumahan diwartakan dengan segera sebagai tanah lapang di bawah penguasaan Pegawai Pengawal iaitu YB Setiausaha Kerajaan Negeri. Ini jelas sejak dahulu lagi kerajaan memandang serius akan isu pewartaan tanah lapang ini.

1.6.2 Kerajaan Negeri

Terdapat kajian-kajian yang telah dijalankan oleh JPBD sendiri bagi mengatasi isu-isu kawasan lapang ini. Oleh itu, Garis Panduan Perancangan Tanah Lapang dan Kawasan Rekreasi edisi 2013 telah diperkenalkan sebagai panduan pelaksanaan dan penyediaan kawasan lapang kepada semua PBT. Wujudnya kajian-kajian mengenai kawasan lapang akan membantu PBT dalam mempercepatkan proses pewartaan. Berdasarkan Kajian Tanah Lapang dan Rekreasi- Beserah (2016) oleh JPBD pelaksanaan dasar dan piawaian perancangan telah digubal serta diaplikasi di setiap peringkat perancangan pembangunan, namun masih terdapat pelbagai isu ditimbulkan. Oleh itu, kajian mengenai perkara ini perlu lah berterusan dan seiring dengan peredaran zaman supaya matlamat pewartaan dapat dicapai.

1.6.3 Penduduk Setempat dan Masyarakat

Apabila kawasan lapang diwartakan ianya menjadi jaminan kepada rakyat bahawa kawasan tersebut disediakan untuk kegunaan masyarakat setempat. Selain itu, ia juga sebagai medium untuk memastikan pembangunan yang seimbang dan lestari. Aspek pewartaan perlu dilihat dari beberapa sudut positif yang lebih memberikan kebaikan kepada masyarakat, misalnya dengan penyedian kawasan lapang berdekatan kawasan perumahan, boleh meningkatkan nilai harta tanah (di antara 2.6 % hingga 11.3%) menurut PLAN Malaysia. Penduduk juga dapat mengamalkan gaya hidup sihat dan berinteraksi dengan masyarakat setempat.

1.7 Metodologi Kajian

Sub topik ini akan menjelaskan dengan lebih terperinci cara, kaedah dan penyampaian sesuatu kajian itu dilaksanakan untuk mencapai maksud objektif yang telah ditetapkan pada awal bab. Perancangan yang teratur dapat memastikan kajian berada di garisan yang betul, fokus dan terarah. Proses kajian akan diuraikan dalam bentuk bab yang telah dirancang dan diatur dengan lebih kemas, tersusun melalui strategi metodologi yang seperti di Rajah 1.2. Sehubungan itu, dapatan kajian dapat dianalisis dan mudah untuk dibuat penilaian. Kajian akan melalui beberapa kaedah bermula dari kajian awalan, kajian literatur, pengumpulan data, analisis data dan akhirnya cadangan serta kesimpulan.

1.7.1 Peringkat Kajian Awalan

Peringkat ini merupakan penerangan utama tentang hala tuju kajian yang mengandungi matlamat dan objektif kajian. Ianya juga memberikan pemahaman terhadap skop kajian yang hendak dikaji. Pemilihan data sekunder yang bertepatan dijadikan input untuk memberi perincian yang jelas terutama bagi menunjukkan sisi perundungan pewartaan tanah lapang. Selain itu, data dari jabatan digunakan

sepenuhnya untuk dibuaturaian supaya bab utama lebih jelas dan dapat di analisis ke peringkat berikutnya.

1.7.2 Peringkat Kajian Literatur

Kajian literatur merujuk kepada keperluan bidang kajian yang lebih kepada daptan melalui pembacaan menggunakan kaedah pencarian maklumat, bacaan dan lain-lain. Sumber-sumber yang diperolehi adalah lebih bersifat kukuh dan dokumen-dokumen dari pihak jabatan adalah amat diperlukan. Input maklumat mengenai dasar perundangan yang diguna pakai termasuklah garis panduan, serta proses-proses yang terlibat turut tersenarai di dalam kandungan ini. Selain itu, kajian terdahulu mengenai pewartaan tanah lapang dijadikan rujukan dan dibuat perbandingan untuk dijadikan input kajian. Kajian pewartaan melibatkan semakan dari aspek perundangan dengan jelas, oleh ituuraian dan kupasan menggunakan pekeliling sedia ada, garis panduan perancangan serta akta-akta berkaitan di senaraikan di peringkat ini.

1.7.3 Peringkat Pengumpulan Data

Pada peringkat ini pengumpulan data secara sekunder dan data primer digunakan oleh pengkaji. Persoalan kajian diutarakan menggunakan kaedah temu bual separa struktur dan secara triangulasi di dalam kaedah kualitatif. Temu bual respondan yang menjalankan tugas berkenaan dan jabatan yang terlibat dalam pengendalian pewartaan. Penentuan kaedah kajian adalah penting untuk memastikan kajian dilaksanakan dengan jelas dan dapat mencambahkan resolusi serta penambahbaikan di dalam ses sebuah kajian. Memandangkan kajian ini dilaksanakan secara kualitatif, ianya merujuk kepada kajian di mana pengkaji bergantung kepada pandangan responden, menanyakan soalan yang berkaitan skop pewartaan, mengumpul data dalam bentuk dokumen atau secara media elektronik daripada jabatan atau agensi yang menjalankan proses, menjelaskan dan menganalisa maklumat dan info tersebut dalam bentuk tema-tema serta menjalankan inkuiiri dalam bentuk yang subjektif. Jika dilihat fokus utama dalam kajian ini adalah kepada pewartaan kawasan lapang di mana isu ini

dikupas dengan lebih mendalam. Pandangan dan proses pelaksanaan dapat dihuraikan oleh beberapa orang responden yang sememangnya dipilih dikalangan pelaksana proses berkenaan.

1.7.4 Peringkat Analisis Data

Analisis dapatan kajian merupakan hasil yang diperolehi melalui gabungan data primer dan data sekunder. Setiap soalan yang diutarakan di dalam borang soal selidik yang telah diedarkan kepada semua responden yang terlibat diterjemahkan di dalam bentuk tulisan. Dokumentasi yang tepat akan dapat memberikan maksud kajian yang jelas. Temu bual separa struktur digunakan ketika sesi soal selidik di jalankan. Semasa sesi berlangsung hujahan dan maklumbalas terus dapat diperolehi dan direkodkan untuk dianalisis. Sesi tersebut dibuat rakaman suara supaya pengkaji boleh melaksanakan semakan semasa dokumentasi dibuat.

1.7.5 Peringkat Cadangan dan Rumusan

Ianya merupakan peringkat akhir di dalam sesebuah kajian. Penerangan dan syor kajian merupakan penambahbaikan terhadap kajian yang dilaksanakan. Pada peringkat ini, hasil dapatan dari kajian akan digunakan untuk menjawab persoalan objektif kajian yang telah ditetapkan dari awal lagi.

1.8 Susunatur Bab

Penyusunan bab dalam sesuatu kajian merupakan perkara asas yang perlu dititikberatkan. Kajian yang tersusun akan memberi kesinambungan antara satu langkah ke langkah yang lain dan menghuraikan maksud keseluruhan kajian dengan lebih jelas. Penghuraian kajian akan diterangkan dalam susunan mengikut sub topik.

1.8.1 Bab Satu : Pengenalan

Bab satu akan menerangkan dan membincangkan aspek-aspek seperti pengenalan, latar belakang kajian, pernyataan masalah kajian, kerangka konsep, objektif kajian, matlamat serta kepentingan kajian.

1.8.2 Bab Dua : Kajian Literatur

Kajian literatur di dalam bab ini akan menjelaskan secara ilmiah berkaitan tanah lapang. Proses pembacaan daptan maklumat daripada jurnal, sumber-sumber sah dan jelas. Perbandingan perundangan, tatacara dan pelaksanaan pewartaan dalam kajian-kajian sebelum ini dihuraikan dalam bab ini. Bab ini juga akan menghuraikan secara terperinci senario berhubung pewartaan tanah lapang di Malaysia. Ia juga akan melihat kepada kepentingan tanah lapang diwujudkan, penghuraian ciri-ciri tanah lapang juga dibentangkan secara jelas supaya teoritikal ini dapat mendefinisikan tanah lapang yang sebenarnya. Info-info yang menjadi rujukan bagi kajian-kajian lepas adalah dari maklumat jurnal tempatan dan antarabangsa, rujukan melalui kapasiti media elektronik menerusi laman sesawang agensi berkaitan, pekeliling serta akta yang berkuatkuasa dan lain-lain sumber yang asli dan diiktiraf.

1.8.3 Bab Tiga : Kajian Kes


Peringkat ini akan merangkumi penerangan latar belakang kawasan kajian iaitu kawasan tanah lapang di bawah penyelenggaraan Majlis Bandaraya Ipoh (MBI). Bab ini akan menghuraikan secara terperinci proses pelaksanaan pewartaan tanah lapang yang dilaksanakan oleh PBT yang dipilih. Ia juga akan menjelaskan mengenai arahan-arahan pekeliling yang digunakan di kawasan kajian. Kajian literatur ini menerangkan jenis-jenis perizaban tanah dan juga maklumat utama mengenai kawasan lapang yang berada di kawasan kajian.

1.8.4 Bab Empat : Analisis Kajian

Bab ini akan mengulas secara terperinci dapatan kajian berpandukan analisis yang dilaksanakan ke atas data-data dan input yang diperolehi melalui temu bual dengan pihak yang terlibat. Pihak-pihak yang terlibat adalah dari Majlis Bandaraya Ipoh yang berurusan terus dalam proses permohonan pewartaan tanah lapang. Berikutnya adalah responden dari Pejabat Tanah dan Galian serta PDT yang mengangkat permohonan pewartaan dari PBT untuk kelulusan PBN. Dokumen-dokumen berkaitan mengenai perkara dasar di dalam kajian ini juga akan digunakan sebagai rujukan kepada kajian. Bagi memudahkan analisa data dijalankan, soalan-soalan temu bual di panjangkan kepada responden terlebih dahulu semasa sesi lawatan ke Majlis Bandaraya Ipoh, Pejabat Daerah dan Tanah dan juga Pejabat Tanah dan Galian Negeri Perak serta JPBD. Soalan temu bual disediakan supaya persoalan yang hendak difokuskan akan lebih jelas. Disamping itu, ia juga akan memberi ruang kepada responden untuk memberi maklumbalas dengan tenang dan tanpa tekanan.

1.8.5 Bab Lima : Cadangan dan Kesimpulan

Bab ini akan memberikan pandangan, syor dan kesimpulan yang diperolehi dari dapatan di dalam analisis kajian. Pandangan dari responden semasa sesi temu bual akan diambilkira untuk membantu dalam menyediakan syor yang bersesuaian. Adalah diharapkan syor dan pandangan yang dicadangkan dapat membantu PBT untuk melaksanakan pewartaan dengan lebih cepat. Peringkat penyediaan kajian ini diterangkan di dalam rajah berikut:



Rajah 1.2 Metadologi Kajian

RUJUKAN

- Aneh, A. M. (2008). Pengurusan tanah lapang di taman perumahan dalam kawasan Majlis Perbandaran Tawau, Sabah, Universiti Teknologi Malaysia, & Faculty of Geoinformation and Real Estate.
- Abdul Rahman, N., Saad, N. L., Abdullah, K., Muhammad Soffian, N. S., Ahmad, A. L., & Ab Manan, N. A. (2018). Kalkulator Garis Panduan Kemudahan Awam Untuk Pembangunan Perumahan Mapan. *Jurnal Inovasi Malaysia (JURIM)*, 1(2), 125-143.
- Alexander, C. (2008). *Towards A Sustainable Neighborhood: The Role of Open Spaces*. Architectural Research, 2, 162-177
- Brander, L. M., & Koetse, M. J. (2011). The Value Of Urban Open Space: Meta-analyses of contingent valuation and hedonic pricing results. *Journal of Environmental Management*, 92(10), 2763-2773.
- Burgess, J., Harrison, C. M., & Limb, M. (1988). *People, Parks And The Urban Green: A Study Of Popular Meanings And Values For Open Spaces In The City*. *Urban Studies*, 25(6), 455-473.
- Booklet Kompendium PLANMalaysia, (2018).
<https://www.townplan.gov.my/kompendium>
- Brundtland, G. (1987). Report of the World Commission on Environment and Development: Our Common Future. *United Nations General Assembly Document A/42/427*.
- Choy, E. A., Awal, N. A. M., & Shamsudin, M. F. (2015). Kesedaran Awam Terhadap Pemeliharaan Dan Pemuliharaan Alam Semula Jadi: Kes Taman Wetland, Putrajaya. *Malaysian Journal Of Society And Space*, 11(8), 13-26.
- Crawford, D., Timperio, A., Giles-Corti, B., Ball, K., Hume, C., Roberts, R., ... & Salmon, J. (2008). Do Features Of Public Open Spaces Vary According To Neighbourhood Socio-Economic Status?. *Health & Place*, 14(4), 889-893.
- Chua, Y. P. (2014). *Kaedah Penyelidikan*. McGraw-Hill Education. 142
- Dasar Perbandaran Negara (2006). Jabatan Perancang Bandar dan Desa Semenanjung Malaysia

- Eugene Mahalingam (2017, 17 Jun) Economic Benefits Of Green Spaces. *The Star*
- Francis, M. (1987). Urban Open Spaces. *Advances In Environment, Behavior, And Design*, 1(7).
- Francis, M., Cashdan, L., & Paxson, L. (1984). *Community Open Spaces: Greening Neighborhoods Through Community Action And Land Conservation*. Island Press.
- Garis Panduan Kejiranan Hijau (2012). Jabatan Perancang Bandar dan Desa.
- Geoghegan, J. (2002). The Value Of Open Spaces In Residential Land Use. *Land Use Policy*, 19(1), 91-98.
- Halim, A.A & Zainudin, A.Z (2019) Perubahan Kegunaan Kawasan Lapang Yang Diwartakan Di Bawah Seksyen 62 Kanun Tanah Negara, *Jabatan Ketua Pengarah Tanah Dan Galian Persekutuan*. 45-48
- Hanafiah, N. A. M. (2008). Amalan Pengurusan Lanskap Yang Efektif: Kajian Kes Projek Taman Rekreasi Oleh Pihak Berkuasa Tempatan Negeri Perak. *Unpublished Master Thesis, Universiti Sains Malaysia*.
- Ibrahim, P. H. (2015). Masalah Pengurusan Kawasan Lapang Oleh Pihak Berkuasa Tempatan Di Malaysia.
- Ibrahim, Putri & Md Dali, Melasutra & Che Haron, Rozinha. (2017). Open Space Development Planning in Malaysia: Issues and Problems. *Advanced Science Letters*. 23. 6322-6325. 10.1166/asl.2017.9261.
- Ibrahim, Putri. (2019). Open Space Policy for Landscape Development in Malaysia. December 2019 In book: Islamic Relevance in Landscape Architecture (pp.162-169) Publisher: International Institute of Islamic Thought East and South East Asia
- Idrus, S., Lim, C.-S., & Hadi, A. (2004). Kemudahterancaman (vulnerability) penduduk terhadap perubahan guna tanah di Selangor. *Malaysian Journal of Environmental Management*, 5, 79-98.
- Jabatan Perancangan Bandar dan Desa Perak Darul Ridzuan (2018). Draf Rancangan Struktur Negeri Perak 2040
- Jasmi, K. A. (2012). Penyelidikan Kualitatif dalam Sains Sosial in Kursus Penyelidikan Kualitatif siri 1 2012 at Puteri Resort Melaka on 28-29 Mac 2012. Organized by *Institut Pendidikan Guru Malaysia Kampus Temenggong Ibrahim*, Jalan Datin Halimah, 80350 Johor Bahru, Negeri Johor Darul Ta'zim

- Kajian Tanah Lapang dan Kawasan Rekreasi* (2016). BP4 Berserah Daerah Kuantan, Bahagian Rancangan dan Projek Khas. PLANMalaysia@Pahang
- Laporan Kajian Semula Persempadan* (2018). Suruhanjaya Pilihanraya Malaysia, 125-132
- Laporan Pemeriksaan Rancangan Struktur Negeri Perak 2040* (Kajian Semula), Jabatan Perancang Bandar dan Desa Negeri Perak 197-204
- Malek, N. A. 1455 Use Pattern Analysis In Green Open Spaces Of Malaysia.
- Mazifah, S., Azahan, A., & Kadir, A. (2017). Pembangunan Bekas Tapak Pelupusan Dan Kecukupan Penyediaan Kawasan Lapang: Satu Pendekatan Menang-Menang Dalam Pembangunan Bandar Di Malaysia (Landfill Redevelopment And Adequate Open Space Provision:A win-win Approach In Malaysian Urban Development). *Geografia-Malaysian Journal of Society and Space*, 10(3).
- Mingat, S. N. Z. B., Majid, R. B., & Rahim, N. S. B. A. (2019). Tahap Kemudahsampaian Taman Permainan Di Kawasan Perumahan Dalam Aspek Keselamatan Dan Keselesaan. *Journal on Technical and Vocational Education*, 4(1), 87-96.
- Mokhtar, I. (2010). *Pewartaan kawasan lapang di bawah Seksyen 62 Kanun Tanah Negara (kajian kes: Kawasan Pentadbiran Majlis Daerah Pontian)*. Retrieved from <http://eprints.utm.my/id/eprint/12539/1/IdrisMokhtarMFKSG2010.pdf>
- Mohamed Mustafa, S. P. (2018). *Pembangunan Kerangka Amalan Terbaik Pengurusan Penyelenggaraan Bagi Taman Rekreasi Awam: Kajian Kes Taman Rekreasi Awam Muar* (Doctoral Dissertation, Universiti Tun Hussein Onn Malaysia).
- Pelan Strategik (2016-2020). Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan.
- Putri, B. A. (2012). *Analisis Indikator Pembangunan Bandar Mampan Berdasarkan Penunjuk Bandar Malaysia (MURNInet) Kajian Kes Majlis Bandaraya Alor Setar (MBAS)* (Doctoral Dissertation, Universiti Utara Malaysia).
- Rose, R. A. C., & Basri, N. E. A. (2019). Analisis Tahap Kepuasan Pengunjung Di Taman Rekreasi Awam Sabah (Analysis Of Visitor Satisfaction Levels In Sabah Recreational Public Parks). *Geografia-Malaysian Journal of Society and Space*, 15(4).

- Soeb Pawi Faculty of Geoinformation and Real Estate, Megat Mohd. Ghazali Megat Abd. Rahman, Universiti Teknologi Malaysia, & *Faculty of Geoinformation and Real Estate*. (2000 Pub. Date). Kajian Terhadap Permasalahan Kawasan Lapang Di Pihak Berkuasa Tempatan : (Kes Kajian : Majlis Daerah Kulai).
- Shaharudin Idrus, and Lim, Choun Sian and Abdul Samad Hadi, (2004) Kemudahterancaman (vulnerability) Penduduk Terhadap Perubahan Guna Tanah Di Selangor. *Malaysian Journal of Environmental Management*, 5 . pp. 79-98. ISSN 1511-7855
- Suhailizan Suliman Faculty of Geoinformation and Real Estate, Siti Radiaton Adawiyah Zakaria, Universiti Teknologi Malaysia, & *Faculty of Geoinformation and Real Estate*. (2016 Pub. Date). Kepentingan Ulasan Tanah Oleh Pejabat Tanah Daerah Dalam Sesuatu Permohonan Kebenaran Merancang (KM).
- Termizi, M. K., & Ismail, M. (2018). Tanah Rizab Melayu di Ambang Kepupusan? *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities (MJSSH)*, 3(4), 93-108.
- Thompson, C. W. (2002). *Urban Open Space in The 21st Century*. Landscape and Urban Planning, 60(2), 59-72.
- Alex X. Niemiera (2018) The Effect of Landscape Plants on Perceived Home Value. Professor, *School of Plant and Environmental Sciences*, Virginia Tech Publication 426-087
- Woolley, H. (2003). *Urban Open Spaces*. Taylor & Francis.
- Yusof, F., Rostam, K., & Muhammad, Z. (2008). Bandar Berdaya Saing Vis-A-Vis Pembangunan Bandar Lestari: Suatu Wacana Tentang Pembangunan Bandar Di Malaysia. *Malaysian Journal of Society and Space*, 4, 85-98.
- Zainol, Halmi. (2015). Corak Guna Tanah Kediaman Dalam Kawasan Bandaraya Ipoh (MBI). 10.13140/RG.2.1.2571.0804.